


FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No.Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019



FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses
No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

Tujuan:

Prosedur ini adalah untuk memastikan pengurusan risiko proses dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan.

Skop:

Prosedur ini digunapakai untuk semua fungsi dan proses yang berkaitan dalam Sistem Pengurusan Kualiti.

1.0 Menentukan Skop Pengurusan Risiko Proses

1.1 Sebelum menjalankan Pengurusan Risiko Proses, Ketua Jabatan (KJ) / Ketua Unit (KU) hendaklah menentukan skop Pengurusan Risiko Proses.

1.1.1 Skop pengurusan risiko proses boleh digunakan untuk pelbagai bidang seperti pengurusan risiko kewangan; pengurusan risiko alam sekitar/ penilaian aspek dan impak; penentuan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan pengurusan sistem pengurusan kualiti.

1.1.2 Bagi maksud pematuhan ISO 9001: 2015, pengurusan risiko ini terhad kepada pengurusan sistem pengurusan kualiti yang meliputi semua fungsi dan proses yang berkaitan di dalam Sistem Pengurusan Kualiti.

1.1.2.1 Proses-proses yang ditentukan dalam Peta Proses adalah terpakai untuk penilaian risiko dalam Sistem Pengurusan Kualiti.

- a) Proses-proses utama kerja;
- b) Proses-proses sokongan operasi (termasuk proses yang berkaitan dengan sumber manusia seperti latihan dan pengambilan petugas, penyelenggaraan infrastruktur, perolehan);
- c) Proses – proses sokongan (seperti audit kajian semula pengurusan, tindakan pembedahan, pemantauan persepsi pelanggan, pengendalian aduan pelanggan, analisis dan penilaian, penambahbaikan berterusan, kawalan dokumen, kawalan rekod).
- d) Proses kawalan penyumberan luar (seperti penilaian dan pemilihan pembekal baharu, kawalan pembelian, penilaian berkala pembekal sedia ada dan audit pembekal).

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses
No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

2.0 Mewujudkan Pasukan Berbilang Fungsi

2.1 Setelah skop pengurusan risiko telah ditentukan, KJ/ KU hendaklah mewujudkan satu pasukan berbilang fungsi/ dengan pengetahuan yang pelbagai tentang proses, produk atau perkhidmatan dan keperluan pelanggan dan melantik seorang **Ketua Pasukan Pengurusan Risiko (KPPR)** bagi setiap fungsi/ jabatan/ unit untuk menyelaras dan memantau perkembangan dan pelaksanaan pengurusan risiko.

2.1.1 Fungsi/ orang yang terlibat dalam pasukan termasuk reka bentuk, operasi/ pengeluaran, kawalan kualiti, penyelenggaraan, pembelian, jualan, pemasaran, kewangan/ pengurusan tertinggi dan perkhidmatan pelanggan, di mana sesuai.

3.0 Menentukan Isu Dalaman dan Isu Luar

3.1 Setelah pasukan berbilang fungsi diwujudkan, **KPPR** bagi setiap fungsi/ jabatan/ unit hendaklah merancang dan menjalankan bengkel dalam setiap fungsi untuk menentukan isu-isu dalaman dan luaran, negatif dan positif yang berkaitan dengan tujuan organisasi dan hala tuju strategik dan yang boleh memberi kesan kepada keupayaan untuk mencapai hasil yang dimaksudkan dalam konteks sistem pengurusan kualiti.

3.1.1 Isu-isu yang telah ditentukan hendaklah didokumenkan dalam **Matriks Isu Dalam Dan Luar (MIDL)** dengan fungsi/ jabatan/ unit.

3.1.2 **MIDL** hendaklah meliputi proses-proses berkenaan yang diperlukan bagi sistem pengurusan kualiti dalam fungsi / jabatan / unit.

3.1.3 Memahami konteks luaran isu-isu boleh mempertimbangkan isu-isu yang timbul dari segi undang-undang, teknologi, daya saing, pasaran, budaya, sosial dan persekitaran ekonomi, sama ada antarabangsa, kebangsaan, serantau atau tempatan.

3.1.4 Memahami konteks dalaman boleh dipermudahkan dengan mempertimbangkan isu-isu yang berkaitan dengan nilai, budaya, pengetahuan dan prestasi organisasi.

4.0 Menjalankan Analisis Punca Masalah

4.1 Berdasarkan isu-isu yang telah ditentukan, Pasukan Pengurusan Risiko hendaklah menjalankan analisa punca dengan mengaitkan isu-isu dalaman dan luaran yang negatif yang mewakili punca atau sebab yang menyebabkan isu-isu dalam bentuk mod kegagalan (hasil negatif proses, contohnya, kecacatan

FELDA Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

kepada proses atau produk/ perkhidmatan, kelewatan dalam sesuatu pemprosesan).

4.1.1 Terdapat banyak kaedah yang ada untuk menganalisa punca tetapi kaedah yang paling popular untuk proses-proses kerja dalam sistem pengurusan kualiti ialah kaedah **Rajah Tulang Ikan**.

4.1.1.1 Isu dalam bentuk mod kegagalan atau hasil negatif proses/ kecacatan hendaklah dicatatkan dalam kepala ikan dan sebab-sebab/ punca hendaklah dihubungkan sebagai tulang-tulang ikan.

4.1.1.2 Terdapat 5 faktor (4 M + 1E) punca kepada mod kegagalan, iaitu:

- a) Manusia (Man);
- b) Mesin / Infrastruktur (Machine);
- c) Bahan-bahan (Material);
- d) Kaedah (Method) (contohnya prosedur/ garis panduan/ arahan kerja); dan
- e) Alam Sekitar (Environment) (termasuk faktor-faktor fizikal, sosial dan psikologi).

4.1.1.3 Untuk isu-isu negatif dari MIDL untuk suatu proses, kemungkinan terdapat lebih dari satu tulang ikan.

5.0 Melengkapkan Maklumat

5.1 Selepas analisa punca telah dilakukan, KPPR hendaklah mengisi maklumat-maklumat di atas Jadual FMEA/ Laporan Akhir Pengurusan Risiko Proses menggunakan kaedah Mod Kegagalan dan Analisa Kesan (FMEA).

5.1.1 Maklumat pengenalan pada bahagian atas jadual tersebut termasuk,

- a) Tajuk program, yakni Pengurusan Risiko: Sistem Pengurusan Kualiti
- b) Nama ahli-ahli pasukan Pengurusan Risiko.
- c) No. Rujukan; dan
- d) Tarikh Berkuat kuasa.

5.1.2 Tajuk proses hendaklah dimasukkan ke dalam kolom kiri pertama Jadual FMEA/ Laporan Akhir Pengurusan Risiko Proses.

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses
No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

6.0 Menjalankan Penilaian Risiko

6.1 Selepas maklumat-maklumat diisi pada bahagian atas Jadual FMEA/ Laporan Akhir Pengurusan Risiko Proses, KPPR hendaklah memindahkan hasil negatif proses/ kecacatan dan punca-punca bersama sebab dari Rajah Tulang Ikan ke dalam ruangan-ruangan yang berkaitan dalam Jadual FMEA/ Laporan Akhir Pengurusan Risiko Proses.

6.1.1 Mod kegagalan/ bakal kegagalan (hasil negatif proses/ kecacatan) dari kepala ikan hendaklah dimasukkan ke dalam ruangan "Mod Kegagalan/ Bakal Kegagalan".

6.1.2 Setiap set punca digabungkan dengan sebab (menggunakan frasa sambungan akibat/ kerana) hendaklah dipindahkan ke ruangan "Punca/ Sebab" dalam Jadual FMEA.

6.2 Apabila punca dan sebab telah dipindahkan kepada Jadual FMEA, KPPR hendaklah mengetuai ahli-ahli pasukan pengurusan risiko membuat lakaran idea (*brain storming*) antara satu sama lain untuk menjalankan analisis penilaian risiko berdasarkan data sejarah/ pengalaman kerja atau kajian *literature*/ penyelidikan (jika perlu) untuk mendapatkan RPN (*Risk Priority Number*)/ NKR (Nombor Keutamaan Risiko) seperti berikut:

6.2.1 Menentukan keterukan akibat dari mod kegagalan/ bakal kegagalan.

6.2.1.1 Bagi setiap mod kegagalan, kenalpasti kesan ke atas organisasi, sistem, sistem yang berkaitan, proses, proses yang berkaitan, proses berikutnya, produk, perkhidmatan, pelanggan, pihak berkepentingan, peraturan-peraturan dan kesan ke atas pencapaian objektif strategik organisasi.

6.2.1.2 Tentukan tahap keterukan yang ditetapkan dengan menggunakan skala 1-10 berdasarkan **Skala Keterukan Akibat (Jadual 1)** di mana 1 adalah tidak penting dan 10 adalah sangat teruk.

6.2.1.3 Jika mod kegagalan mempunyai lebih daripada satu akibat, letakkan keterukan yang paling tinggi di jadual FMEA.

6.2.2 Menentukan kemungkinan/ kebarangkalian berlakunya setiap punca, menggunakan skala 1- 10 seperti **Skala Kebarangkalian Punca Akar Umbi (Jadual 2)** di mana 1 adalah sangat tidak mungkin dan 10 tidak dapat dielakkan.

6.2.2.1 Kedudukan ini menganggarkan kebarangkalian punca yang menyebabkan mod kegagalan.

6.2.3 Menentukan kawalan sedia ada kepada setiap punca.

FELDA Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

- 6.2.3.1 Ini boleh amalan/ prosedur, mekanisma atau kawalan kejuruteraan yang sudahpun wujud yang boleh mengurangkan atau mencegah punca dari berlaku.
 - 6.2.3.2 Bagi setiap kawalan sedia ada, tentukan penilaian pengesanan (D) menggunakan skala 1-10 seperti **Skala Pengesanan (Jadual 3)**, di mana 1 bermaksud kawalan sangat berkesan untuk menghalang/ mencegah punca dari berlaku dan 10 bermaksud kawalan terhadap punca tidak wujud.
 - 6.2.3.3 Kedudukan ini menganggarkan sejauh mana kawalan boleh menghalang/ mencegah punca kepada mod kegagalan dari berlaku.
- 6.2.4 **Kriteria Penilaian Pengesanan FMEA adalah berpandukan kepada jadual berikut:**
- a) Kira Nombor Keutamaan Risiko (NKR)/ *Risk Priority Number* (RPN), yang bersamaan dengan $S \times O \times D$.

7.0 Melaksanakan Penilaian Risiko

- 7.1 Selepas analisa risiko/ penilaian risiko dijalankan dan NKR/ RPN telah diperolehi, KPPR hendaklah serta membuat penilaian risiko untuk menentukan risiko yang bermakna dengan membandingkan NKR/ RPN yang telah dikira dengan paras ambang NKR/ RPN.
- 7.1.1 Paras ambang NKR/ RPN juga boleh ditetapkan dengan mendarabkan titik tengah S, O dan D yakni $5 \times 5 \times 5 = 125$.
 - 7.1.2 Jika NKR/ RPN yang dikira melebihi paras ambang NKR/ RPN, NKR/ RPN berkenaan adalah hendaklah dianggap sebagai NKR/ RPN Bermakna (*significant*) di mana tindakan/ kawalan baru diperlukan dan hendaklah dirancang untuk mengurangkan risiko/ NKR/ RPN yang bermakna.
 - 7.1.2.1 NKR/ RPN yang tinggi hendaklah ditangani dahulu atau diambil tindakan.
 - 7.1.3 Jika NKR/ RPN yang diperolehi kurang dari paras ambang NKR/ RPN, NKR/ RPN berkenaan dianggap sebagai NKR/ RPN tidak bermakna di mana tindakan/ kawalan baru tidak diperlukan kerana kawalan sedia ada sudah memadai atau kebarangkalian punca/ sebab atau keterukan akibat tidak tinggi, kecuali jika sekiranya jabatan berkenaan ingin mengambil tindakan penambahbaikan adalah digalakkan.

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses
No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

8.0 Merancang Tindakan Menangani Risiko

8.1 Selepas risiko bermakna ditentukan, pasukan pengurusan risiko hendaklah menentukan dan merancang tindakan dalam Jadual FMEA/ Laporan Akhir Pengurusan Risiko Proses bagi menangani risiko ke tahap yang rendah/ boleh diterima atau di bawah paras ambang NKR/ RPN.

8.1.1 Pelan tindakan yang disyorkan hendaklah termasuk:

- a) Tindakan/ kawalan spesifik untuk menangani risiko;
- b) Tanggungjawab (dengan nama dan jawatan tertentu); dan
- c) Tempoh masa/ tarikh berkuat kuasa/ anggaran tarikh siap bagi setiap tindakan.

8.1.2 Pelan tindakan hendaklah mengambil kira keperluan pihak berkepentingan dan kekuatan isu-isu dalaman yang positif dan peluang/ isu- isu luar yang positif untuk mengurangkan kelemahan/ isu dalaman negatif dan ancaman/ isu-isu negatif luaran.

8.1.3 Pelan tindakan ini hendaklah juga mengambil kira integrasi tindakan ke dalam proses sistem pengurusan kualiti, contohnya meminda/ menambahbaik kaedah dan kriteria dalam proses/ prosedur yang berkaitan, arahan kerja, garis-panduan atau dokumen sokongan lain yang berkaitan, memasang kawalan kejuruteraan baru atau merekabentuk semula produk / perkhidmatan.

8.1.4 Pilihan untuk menangani risiko termasuk mengelakkan risiko, mengambil risiko untuk merebut peluang, menghapuskan sumber risiko, mengubah kemungkinan atau akibat, berkongsi risiko, atau mengekalkan risiko dengan keputusan yang dimaklumkan.

8.1.5 Peluang boleh membawa kepada penggunaan amalan baru, melancarkan produk baru, membuka pasaran baharu, menangani pelanggan baharu, membina perkongsian, menggunakan teknologi baharu dan lain-lain kemungkinan wajar dan berdaya maju untuk menangani organisasi atau keperluan pelanggan.

9.0 Melaksanakan Tindakan Yang Dirancang

9.1 Selepas tindakan menangani risiko telah dirancang, KPPR hendaklah mendapatkan kelulusan daripada KJ.

9.2 Sebaik sahaja tindakan yang dirancang telah diluluskan, KPPR hendaklah menyelaras dan memantau pelaksanaan tindakan dalam tempoh masa yang dirancang oleh kakitangan yang bertanggungjawab seperti yang dikenal pasti dalam Jadual FMEA.

FELDA

Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

- 9.2.1 Jika tindakan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan atau jangka masa pelaksanaan tidak dapat dipenuhi, pasukan pengurusan risiko hendaklah dengan segera meminda pelan yang sewajarnya.
- 9.2.2 Setiap kali wujud isu baru atau perubahan kepada proses atau produk/ perkhidmatan, KPPR hendaklah mengemaskini **MIDL**, dan membawa pasukan pengurusan risiko untuk menentukan semula punca, menjalankan penilaian risiko dan merancang tindakan baru (jika perlu) dalam tempoh 10 hari bekerja dari pengesahan isu baru atau perubahan untuk menangani risiko atau peluang baru mengikut **Prosedur Pengurusan Perubahan (SOP/UPRI/BK/12)**.

10.0 Menilai Keberkesanan Tindakan Yang Telah Diambil/ Penilaian Saki Baki Risiko

- 10.1 Setelah selesai semua tindakan untuk menangani punca mod kegagalan/ bakal kegagalan, KPPR hendaklah merancang tarikh untuk menilai keberkesanan tindakan yang diambil.
 - 10.1.1 Tarikh dirancang untuk menilai keberkesanan tindakan yang diambil boleh dari 3 bulan hingga ke 9 bulan atau lebih, kes demi kes.
- 10.2 Berdasarkan tarikh yang dirancang untuk menilai keberkesanan pada Jadual FMEA, KPPR hendaklah memantau tarikh penilaian yang akan dijalankan.
- 10.3 Apabila tarikh penilaian dicapai, KPPR hendaklah mengetuai pasukan pengurusan risiko untuk menjalankan penilaian keberkesanan tindakan yang telah diambil dengan membuat penentuan keterukan (S), kejadian (O) dan pengesanan (D) dan mengira semula NKR/ RPN.
 - 10.3.1 Tindakan yang dilaksanakan adalah dianggap berkesan jika NKR/ RPN yang dikira semula selepas tindakan yang diambil di bawah NKR/ RPN paras ambang.
 - 10.3.2 Jika NKR/ RPN yang dikira selepas tindakan masih melebihi paras ambang NKR/ RPN, KPPR hendaklah mengetuai pasukan pengurusan risiko menentukan semula punca dan pelan tindakan.

11.0 Kawalan Fail

- 11.1 Setelah pengurusan risiko proses dipantau, PYB hendaklah memastikan kesemua rekod-rekod berkaitan dokumen pengurusan risiko proses disimpan di dalam kabinet fail dan ditandakan sebagai **Fail Pengurusan Risiko Proses** mengikut susunan berikut:

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

- a) Matriks Isu Dalaman dan Luar;
- b) Rajah Tulang Ikan; dan
- c) Laporan Akhir Pengurusan Risiko Proses.

11.2 PYB hendaklah merekodkan pergerakan fail di dalam **Daftar Pergerakan Fail** yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- a) Nama Fail;
- b) Tarikh dikeluarkan;
- c) Nama Peminjam Fail;
- d) Tarikh Dipulangkan; dan
- e) Tandatangan Peminjam.

11.3 PYB hendaklah memastikan Fail yang lengkap disimpan di dalam **Kabinet Fail** secara berkunci mengikut rak kabinet tahun semasa.

11.3.1 Fail dikategorikan sebagai "**FAIL TERBUKA**" dan kelulusan bertulis hendaklah diperoleh daripada Ketua Jabatan / Ketua Unit / Pengurus Besar Wilayah / Pengurus Rancangan jika ingin mendapatkan fail tersebut.

11.3.2 Fail yang telah mencapai tempoh penyimpanan hendaklah dibuat pelupusan berdasarkan **Pekeliling Pelupusan Rekod** yang dikeluarkan oleh Arkib Negara.

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses
No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

Jadual 1: Skala Keterukan

9-10 Kesan Sangat Teruk

- ✓ Sangat menjejaskan objektif strategik organisasi.
- ✓ Sangat menjejaskan keseluruhan kerja.
- ✓ Kesan yang teruk pada penyampaian perkhidmatan di satu atau lebih organisasi.
- ✓ Kerosakan politik atau reputasi teruk kepada organisasi dan organisasi induk /pemegang yang berkepentingan yang lain.
- ✓ Peluang pelanggaran undang-undang atau tindakan yang serius terhadap organisasi dan organisasi induk / pemegang berkepentingan yang lain.
- ✓ Kesan tidak boleh diuruskan tanpa sumber tambahan yang penting (kewangan atau manusia) dan penentuan semula.
- ✓ Berpotensi melibatkan kepentingan negara.
- ✓ Berpotensi melibatkan kepentingan organisasi lain.

7-8 Kesan Teruk

- ✓ Boleh menjejaskan objektif strategik organisasi.
- ✓ Boleh menjejaskan keseluruhan program atau hasil atau manfaat sub-projek.
- ✓ Kesan penting yang berterusan terhadap perkhidmatan di dalam organisasi ataupun melibatkan satu atau lebih organisasi.
- ✓ Kerosakan politik atau reputasi kepada organisasi.
- ✓ Peluang pelanggaran undang-undang atau tindakan perundangan terhadap organisasi dan organisasi induk / pemegang kepentingan lain.
- ✓ Pelanggan sangat tidak berpuas hati.
- ✓ Pelanggan tidak puas hati.
- ✓ 100% produk mungkin perlu dimusnahkan.
- ✓ Produk mungkin perlu diperbaiki dan sebahagiannya dimusnahkan.
- ✓ Produk boleh berfungsi, tetapi pada tahap prestasi yang rendah.
- ✓ Produk tidak dapat berfungsi, kehilangan fungsi utama.

5-6 Kesan Sederhana

- ✓ Sederhana menjejaskan objektif strategik organisasi.
- ✓ Sederhana menjejaskan keseluruhan program atau hasil sub projek.
- ✓ Impak terhad kepada penghantaran kerja di seluruh organisasi atau lebih banyak organisasi.
- ✓ Kerosakan politik atau reputasi terhad kepada organisasi.
- ✓ Impak boleh diuruskan dengan beberapa sumber tambahan perancangan semula dan sederhana (kewangan atau manusia).
- ✓ Tindakan perundangan terhadap satu atau lebih organisasi.
- ✓ Pelanggan mengalami ketidakselesaan.
- ✓ Pelanggan berasa kurang berpuas hati.
- ✓ 100% produk mungkin perlu diperbaiki.

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

3-4 Kesan rendah

- ✓ Kesan kecil terhadap penghantaran kerja di seluruh organisasi.
- ✓ Kesan kecil terhadap objektif strategik organisasi.
- ✓ Impak boleh diuruskan dalam sumber semasa, dengan beberapa perancangan semula.
- ✓ Komunikasi dengan pihak berkepentingan utama mungkin diperlukan.
- ✓ Kecacatan produk/ kepincangan perkhidmatan ditemui oleh kebanyakan pelanggan.
- ✓ Kecacatan produk/ kepincangan pelanggan disedari oleh sebahagian pelanggan.
- ✓ Produk mungkin perlu diasingkan dan diperbaiki.
- ✓ Sebahagian produk mungkin perlu disusun dan diperbaiki tetapi di luar tempat pemprosesan.

1-2 Kesan Sangat Rendah/ Tiada Kesan

- ✓ Tiada kesan sebenar ke atas hasil dan / atau objektif organisasi.
- ✓ Tiada kesan sebenar ke atas objektif strategik organisasi.
- ✓ Apa-apa kesan terhadap keupayaan dan / atau keupayaan organisasi dapat diserap.
- ✓ Kecacatan produk/ kepincangan perkhidmatan disedari oleh sebilangan kecil pelanggan.
- ✓ Tiada kesan kepada mana-mana pihak berkepentingan.
- ✓ Sebahagian produk mungkin perlu diperbaiki / diperbetulkan semula di tempat pemprosesan.
- ✓ Tiada kesan.

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

Jadual 2: Skala Kebarangkalian Punca Akar Umbi

Kebarangkalian	Kadar Berlakunya/ Kebarangkalian Punca	Kedudukan
Sangat Tinggi	1 dalam 2	10
	1 dalam 3	9
Tinggi	1 dalam 8	8
	1 dalam 20	7
Sederhana	1 dalam 80	6
	1 dalam 400	5
	1 dalam 2,000	4
Rendah	1 dalam 15,000	3
	1 dalam 150,000	2
Luar Jangkauan/ Infiniti/ Tersangat Rendah	1 dalam 1,500,000	1

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

Jadual 3: Skala Pengesanan

Pengesanan	Kriteria: Keberkesanan Kawalan Sedia Ada	Kedudukan
Mustahil	Tiada kawalan yang diketahui untuk mengesan punca / mod kegagalan.	10
Sangat Jauh	Sangat tidak mungkin kawalan sedia ada dapat mengesan punca / mod kegagalan.	9
Jauh	Kemungkinan kawalan sedia ada jauh boleh mengesan punca/ mod kegagalan.	8
Sangat Rendah	Kawalan sedia ada berkemungkinan sangat rendah boleh mengesan punca/ mod kegagalan.	7
Kemungkinan rendah	Kawalan sedia ada mengesan punca/ mod kegagalan.	6
Sederhana	Kemungkinan kawalan sedia ada boleh mengesan punca/ mod kegagalan.	5
Sederhana Tinggi	Sederhana tinggi kawalan sedia ada boleh mengesan punca/ mod kegagalan.	4
Tinggi	Kawalan sedia ada berkesan. Kemungkinan besar	3
Sangat Tinggi	Kemungkinan besar kawalan sedia ada boleh mengesan punca akar umbi/ mod kegagalan.	2
Hampir Pasti	Hampir pasti untuk mengesan punca akar/ mod kegagalan. Kawalan sedia ada sangat berkesan.	1

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Prosedur Pengurusan Risiko Proses

No. Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

Kekuasaan	Nama Penuh	Jawatan	Tandatangan
Disediakan oleh:	Syarilanwar Mohammad	Pegawai Tadbir, Unit Pengurusan Risiko	
Disemak oleh:	Norzuki Mustafa	Ketua Unit Pengurusan Risiko	
Disemak oleh:	Mahadzir Mustafa	Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Ekonomi)	
Diluluskan oleh:	Dato' Dr. Othman Haji Omar	Pengarah Besar FELDA	

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: KPI Proses – Pengurusan Risiko Proses

No.Dokumen: SOP/UPRI/BK/03

No. Pindaan: 0

Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

PROSES	OBJEKTIF	KPI	SASARAN 2019	BAGAIMANA UNTUK MENCAPAINYA
Pengurusan Risiko Proses	Memastikan keberkesanan pengurusan risiko proses	Peratus pemantauan pengurusan risiko proses	100%	Prosedur Pengurusan Risiko Proses

FELDA
Unit Pengurusan Risiko

Tajuk Dokumen: Matriks Isu – Pengurusan Risiko Proses
No.Dokumen: SOP/UPRI/BK/03
No. Pindaan: 0
Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019

Proses: Pengurusan Risiko Proses

Isu Dalaman	Isu Luaran
Negatif i. Ketidacukupan risiko yang dikenal pasti dalam Matriks Isu Dalaman dan Luaran. ii. Kesukaran memantau pelaksanaan tindakan dalam Laporan Akhir Pengurusan Risiko Proses. iii. Analisis punca dan sebab yang tidak lengkap / tidak tepat di dalam Rajah Tulang Ikan. iv. Ketidakhahaman / ketidaktepatan pengisian skala di dalam Laporan Akhir Risiko Proses. v. Pasukan Pengurusan Risiko Proses tidak cukup / tidak dilantik.	Negatif Tiada
Positif Tiada	Positif Tiada


Unit Pengurusan Risiko

Bahagian: Sekretariat Pengurusan Risiko Proses

Proses: Pengurusan Risiko Proses

Rajah Tulang Ikan – Kesukaran Pemantauan Risiko Proses

No. Pindaan: 0; Tarikh Berkuat kuasa: 1 Ogos 2019



FELDA

Jabatan/Unit:

Tajuk Dokumen: Matriks Isu –

No. Dokumen:

No. Pindaan:

Tarikh Berkuat kuasa:

Proses:

Isu Dalaman	Isu Luaran
Negatif	Negatif
Positif	Positif

Tarikh Berkuatkuasa: 1 Ogos 2019

No. Pindaan: 0

SOP/UPRI/BK/03


Jabatan/Unit:

Bahagian: Sekretariat -

Proses:

Rajah Tulang Ikan –

No. Pindaan: ; Tarikh Berkuat kuasa:



FELDA
Jabatan/Unit:

Laporan Akhir Risiko:

Bahagian: Sekretariat -
Ahli-ahli Pasukan:
No. Pindaan:
Tarikh Berkuat kuasa:

Proses	Mod Kegagalan yang boleh/ telah berlaku	Akibat dari Kesan Kegagalan	Kadar Keterukan Akibat (S) (1-10)	Punca kepada Kegagalan yang boleh/ telah berlaku	Kadar kebarangkalian berlakunya punca kepada kegagalan (O) (1-10)	Kawalan Sedia ada	Kadar Keberkesanan (D) (1-10)	NKR (S x O x D)	Risiko Bermakna (RM) (Ya/ Tidak) (Y/ T)	Perancangan Tindakan (nyatakan dengan spesifik kaedah/ aktiviti, tanggungjawab dan tarikh berkuatkuasa)	Tindakan yang telah dijalankan dan tarikh perlaksanaan	Perancangan Tarikh Kaji semula keberkesanan tindakan yang telah diambil	Tarikh sebenar kaji semula keberkesanan tindakan yang telah diambil	Hasil kaji semula/ penilaian keberkesanan tindakan yang telah diambil					
														S	O	D	NKR	RM (Y/ T)	